



INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI MALAYSIA

IKLAN PENGAMBILAN PEGAWAI PENYELIDIK GRED 41

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri ingin mempelawa **warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi mengisi **SEGERA** kekosongan **Pegawai Penyelidik Gred 41** bagi jawatan seperti berikut:

A. BUTIRAN JAWATAN

Bilangan Pengambilan	: DUA (2) JAWATAN
Jadual Gaji	: GAJI MINIMUM : RM2,080.00 : GAJI MAKSIMUM : RM9,546.00 : KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM225.00
Tempoh	: KONTRAK PERKHIDMATAN (COS)
Penempatan	: INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI, KUALA LUMPUR
Kumpulan Perkhidmatan	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

B. SYARAT LANTIKAN

Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang daripada dua puluh dua (22) tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Memiliki **Ijazah Sarjana Muda** dalam bidang berkaitan (Undang-undang / Sains Politik / Hubungan Antarabangsa dan lain-lain bidang yang berkaitan) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya oleh Kerajaan;
4. Syarat Bahasa Melayu – memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
5. Mempunyai kemahiran menggunakan perisian *Microsoft Office* dan perisian lain yang biasa digunakan untuk penyelidikan;
6. Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan *Malaysian University English Test (MUET) Band 4* dan ke atas; dan
7. Calon fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris.



C. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penyelidikan dan pembangunan (R&D), memberi perkhidmatan kepakaran, latihan, khidmat perundangan dan penerbitan artikel dalam bidang yang berkaitan.

D. CARA MEMOHON

Calon yang berminat hendaklah menghantar permohonan ke alamat e-mel **vacancy@idfr.gov.my** dengan tajuk **“Pegawai Penyelidik Gred 41”** dengan mengemukakan dokumen berikut seperti dibawah:

1. **Resume lengkap berserta gambar berukuran pasport;**
2. **Salinan kad pengenalan;**
3. **Salinan sijil kelahiran;**
4. **Salinan sijil berhenti sekolah;**
5. **Salinan sijil kelulusan akademik termasuk sijil SPM;**
6. **Salinan transkrip akademik; dan**
7. **Salinan sijil lain yang berkaitan.**

Semua salinan dokumen tersebut hendaklah ditandatangani dan diperaku sah oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Professional (Gred 41 dan ke atas).

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, sila hubungi pegawai di Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan seperti berikut:

- | | |
|------------------------------|--|
| 1. Encik Amiruddin bin Zaidi | : 03-2149 1023
amiruddin@kln.gov.my |
| 2. Puan Nur Fazlina Basiron | : 03-2149 1066
fazlina@idfr.gov.my |

E. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **16 Mei 2024 (Khamis)**.

F. CATATAN AM

1. Tarikh iklan ini dibuka adalah pada 2 Mei 2024 (Khamis);
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya; dan
3. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.

